

GAMBARAN BUDAYA MASYARAKAT BRUNEI DALAM KUMPULAN PUISI *DIAM-DIAM* KARYA K. MANIS

A. HALIM ALI

Universiti Pendidikan Sultan Idris

halim.ali@fbk.upsi.edu.my

NORAZIMAH ZAKARIA

Universiti Pendidikan Sultan Idris

norazimah@fbk.upsi.edu.my

ARIFF MOHAMAD

Universiti Pendidikan Sultan Idris

arif@fbk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan yang bertujuan mengenal pasti dan membincangkan gambaran budaya masyarakat Brunei dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* (2010) karya K. Manis. Kumpulan ini mengandungi 73 buah sajak. Data kepustakaan dianalisis dengan memanfaatkan kaedah analisis kandungan bersandarkan konsep budaya yang dikemukakan Edward B. Tylor (1974) dan juga yang diajukan oleh A. Aziz Deraman (2005). Hasil analisis mendapati enam gambaran budaya masyarakat Brunei yang diangkat penyair. Enam gambaran budaya masyarakat itu adalah yang bergantung hidup pada sumber pertanian, masyarakat yang berhadapan dengan musibah, gambaran akan adat orang Besar-Besar, gambaran budaya berbudi pada tanah, gambaran budaya warga bernegara dan gambaran perubahan budaya. Enam gambaran itu dapat dikelompokkan kepada tiga aspek kehidupan masyarakat iaitu pertanian, alam sekitar dan hidup bernegara. Dapatan kajian juga merumuskan tiada gambaran budaya yang berkait dengan aspek perdagangan antarabangsa, petroleum, politik dan pendidikan, walhal kegiatan-kegiatan ini merupakan teras kemajuan dan pembinaan masyarakat bernegara di Brunei. Berdasarkan dapatan ini, beberapa cadangan wajar diambil perhatian khususnya kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Antaranya usul supaya dilaksanakan kajian lanjut tentang budaya masyarakat Brunei yang juga perlu diperluaskan kepada kumpulan-kumpulan puisi penyair dan genre-genre lain yang melibatkan prosa tradisional dan moden. Ia pasti sahaja memberikan sumbangan besar kepada khazanah kesusasteraan Brunei mahupun kesusasteraan Melayu Nusantara.

Kata kunci: *Diam-diam*; kajian budaya; K. Manis; puisi Melayu; sastera Brunei

CULTURAL ELEMENTS OF BRUNEI SOCIETY IN THE ANTHOLOGY OF *DIAM-DIAM* BY K. MANIS

ABSTRACT

This study was a library research that aimed to identify and discuss the images of Bruneian cultural elements in an anthology entitled *Diam-Diam* (2010) by K. Manis. This anthology consists of 73 poems. Data were analyzed using content analysis method based on the concept of culture developed by Edward B. Tylor (1974) and also A. Aziz Deraman (2005). The results of the analysis illustrate six mages in the culture of the people of Brunei namely,

the culture of people who depend on livelihoods of agriculture, communities dealing with misfortune, the customs of the elite, virtue in farming, citizen culture and visions in cultural changes. The six images can be grouped into three aspects of community life i.e. agriculture, environment and state life. The findings also found that there were no cultural images related to the aspects of international trade, petroleum, politics and education, even though these activities were the core aspect of development and national building in Brunei. Based on the findings, some suggestions are deserving of concern, especially initiatives of Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. The suggestion is to conduct further studies on the culture of the people of Brunei regardless type of genres including traditional and modern prose. It contributes to both Bruneian and the Malay literature in general.

Keywords: *Diam-diam*; cultural studies; K. Manis; Malay poems; Bruneian literature

PENGENALAN

Budaya merupakan salah satu elemen yang perlu ada pada sesebuah masyarakat. Ia merujuk kepada darjat, kualiti, mutu dan taraf cara hidup sesebuah masyarakat yang mengamalkan cara hidup masing-masing. Selain itu, nilai budaya juga boleh difahami sebagai tahap ketinggian budaya sesebuah masyarakat termasuklah dari sudut pemikiran, agama, kemasyarakatan, ekonomi dan politik. Koentjaraningrat (1984) mengatakan bahawa nilai budaya itu merupakan tingkat pertama kebudayaan ideal atau adat. Nilai budaya juga merupakan lapisan paling abstrak dan luas ruang lingkupnya. Oleh itu, dapat dianggap nilai budaya itu sebagai suatu nilai yang tertinggi dalam kehidupan bermasyarakat iaitu lebih menekankan aspek positif sahaja walaupun pada hakikatnya terdapat nilai budaya yang menjurus kepada hal-hal negatif.

Semua bangsa di dunia memiliki budaya dan cara hidup masing-masing. Budaya dan cara hidup ini terbentuk dalam lingkungan hidup masyarakat itu sendiri dengan segala unsur dan elemen yang mempengaruhinya. Demikianlah dengan masyarakat Melayu dengan budaya yang lahir daripada bangsa Melayu itu sendiri. Cuma, bila budaya itu bermula tidak dapat ditentukan dengan pasti, namun dapat diyakini bahawa budaya bermula dengan bermulanya pembentukan sesebuah masyarakat. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa kelahiran budaya Melayu ialah sezaman dengan kelahiran manusia Melayu itu sendiri. Unsur kemelayuan itu ditampakkan dengan jelas dalam pelbagai aspek sama ada asal usul keturunan, cara berpakaian, pemerintahan, adat, adab, kesopanan, cara berkomunikasi, kepercayaan, pertuturan, dan ekonomi. Malah ia turut memberi gambaran tentang bentuk karya seni dan penciptaan pelbagai alat persenjataan, pemakanan dan kekeluargaan.

Gambaran masyarakat Nusantara sangat signifikan dengan nilai-nilai budaya dalam masyarakat Brunei. Dalam karya-karya lain juga banyak gambaran hidup masyarakat Brunei dan banyak diungkapkan dalam karya-karya sastera. Salah satunya diungkapkan dalam Kumpulan Puisi *Diam-Diam* karya K. Manis.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Negara Brunei Darussalam termasuk dalam kelompok negeri kepulauan Melayu atau Nusantara. Kewujudan dan keberadaan negara Brunei sebagai sebuah wilayah didiami orang-orang Melayu telah bertapak sejak sekian lama berlandaskan bukti-bukti sejarah yang kukuh. Brunei memiliki sebuah monarki yang sangat tua; ia telah wujud lebih daripada setengah millinium yang lalu dengan genealogi dinastinya yang tidak terputus (Bilcher Bala, Baszley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan (2008: 1). Brunei mencapai kemuncak kekuasaannya pada

zaman pemerintahan sultannya yang keenam iaitu Sultan Bolkiah (1485-1524) - yang terkenal disebabkan pengembaraan baginda di laut, malah pernah seketika menakluki Filipina. Pada masa pemerintahan beliau, banyak suku kaum lain seperti Melanau, Kedayan dan kaum Dayak turut menganut agama Islam (Jeniri Amer, 2015: 11), dan pada zaman pemerintahan sultan yang kesepuluh iaitu Sultan Muhammad Hasan (1582-1598) - yang membangunkan susun atur adat istiadat kerajaan dan istana yang masih kekal hingga ke hari ini.

Majoriti penduduk Brunei terdiri daripada orang-orang Melayu. Mereka boleh dikenali berasaskan nama negara Brunei, kumpulan etnik atau wilayah. Mengikut dari Lembaga perlambangan Brunei hanya terdapat tujuh puak Brunei sahaja yang sah rasmi di bawah pendaftaran kebangsaan Brunei dianggap puak jati Brunei yang asli iaitu Melayu Brunei, Kedayan, Tutong, Dusun, Belait, Murut dan Bisaya. Walaupun begitu terdapat beberapa puak yang sudah lama menetap di negara Brunei tetapi masih belum dimasukkan ke dalam puak-puak yang diiktiraf sebagai puak jati Brunei iaitu puak Iban dan kaum Cina. Puak Iban sudah pun menetap di negara ini semenjak kurun ke-14 Masihi lagi. Kewujudan pelbagai puak dalam negara Brunei banyak disumbangkan oleh faktor migrasi. Penghijrahan orang-orang Melayu dalam wilayah-wilayah rumpun Melayu menyebabkan berlakunya pertembungan budaya pelbagai suku kaum. Namun pertembungan budaya dalam rumpun Melayu berlaku secara harmoni dan damai (Abdul Halim Ali 2010: 15).

Kepelbagaian suku kaum menjadikan corak budaya yang diwarisi masyarakat Brunei pada hari ini juga berbagai-bagai. Namun teras utama budaya dan kebudayaan Brunei berlandaskan falsafah negara bangsa Brunei, iaitu Melayu Islam Beraja (MIB). Falsafah ini telah dihuraikan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sebagaimana berikut:

... Dari tiga rangkai kata Melayu Islam Beraja, terdapat unsur-unsur atau nilai-nilai yang positif untuk ketahanan Negara, umpamanya dari Melayu itu, ialah bahasanya. Siapa pun tak boleh menyangkal, bahawa bahasa Melayu itu adalah satu-satunya alat perpaduan kita yang paling elektif. Tanpa bahasa ini, kita tentunya tidak akan dikenali sebagai satu bangsa yang berdaulat lagi mempunyai identiti. Demikian juga Islam, ialah agama yang menjamin seluruh kepentingan rakyat dan penduduk dengan tidak mengira apa jua agama, suku kaum dan keturunan. Pendeknya agama Islam adalah jaminan keselamatan dan kesejahteraan untuk semua. Kerana itu tidak siapa perlu takut atau ragu mengenainya. Sementara perkataan Beraja pula adalah menunjukkan kepada kerajaan yang bersultan atau Beraja yang sudah wujud dan menjadi warisan zaman semenjak beberapa abad lagi.

Nama Melayu dan Islam ditampakkan bersatu kukuh dengan ketuanan raja yang memerintah dan menaungi negara Brunei. Hal ini dapat menjelaskan tentang konsep bernegara, berpemerintahan, berkebudayaan dan beramal sosial, beragama dan berfikiran masyarakat di negara Brunei berasaskan akar jati diri bangsa dan dasar agama Islam. Pernyataan memberi implikasi bahawa tiada suatu pun daripada tindakan, amalan dan citra masyarakat lepas bebas daripada unsur kemelayuan, keislaman dan keistanaan. Falsafah ini memberikan Brunei satu asas paling kukuh dalam pembinaan identiti bernegara bangsa dan pencernaan citra budaya masyarakat yang utuh.

Gambaran masyarakat Brunei yang tinggi nilai ini banyak ditulis dalam buku sejarah namun tidak banyak digambarkan dalam karya puisi. Tidak banyak sajak yang memberi tumpuan khusus tentang budaya masyarakat Brunei. Dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* karya K. Manis terdapat beberapa gambaran masyarakat Brunei yang disinggung dengan cara

bersahaja dan umum. Analisis ke atas kumpulan puisi ini dapat menemukan budaya masyarakat Brunei terkelompok pada beberapa jenis iaitu budaya ekonomi, budaya nasionalisme, budaya sosial dan juga budaya keagamaan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pengungkapan aspek budaya masyarakat Brunei dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* menjadi asas analisis ini dilakukan, kerana tidak ditemui aspek ini diungkapkan dalam karya kreatif khususnya puisi sebelum ini. Hasil sorotan literatur yang dilakukan juga menunjukkan aspek budaya masyarakat Brunei dalam karya kreatif tidak pernah dikaji secara khusus dan mendalam. Terdapat satu kajian yang dilakukan oleh Norhayati Abdul Rahman (2000), tetapi kajian ini hanya sekadar menyentuh tentang imej bangsa Brunei dalam puisi Melayu moden. Justeru, pengungkapan aspek budaya masyarakat Brunei dalam kumpulan puisi *Diam-diam* oleh K.Manis mempunyai signifikansi tertama bagi memahami dengan lebih terperinci budaya hidup masyarakat Brunei dari kaca mata penulis kelahiran Brunei sendiri.

Haji Moxsin Haji Kadir atau lebih dikenali juga dengan nama pena K. Manis merupakan anak kelahiran Brunei. Oleh yang demikian, budaya Brunei sudah sehati dalam dirinya. Kesebatian tentang kepelbagaian ragam hidup yang sentiasa dihadapi seumpama yang terungkap dalam beberapa buah sajak antaranya seperti “Kisah”, “Sebuah Simfoni”, “Senda”, “Harapan”, “Bumi Ditarah”, “Benih dan Bunga”, “Tutup dan Buka”, “Ibu M dan Air Matamu”, “Bunyi Muzik yang Mengusik” dan “Impian” menjadi suara kepenyairan K. Manis yang diluahkan melalui bait-bait puisi yang memberi gambaran atau mesej yang perlu dihayati dan ditunjukkan di sebalik ungkapan yang dilahirkan.

Selain kumpulan puisi *Diam-Diam*, agak kurang ditemui gambaran budaya masyarakat Brunei dapat dilihat dalam karya kesusasteraan. Rakaman budaya masyarakat banyak ditonjolkan dalam media pelancongan, warisan, sejarah dan geografi. Daripada perspektif kesusasteraan, rakaman budaya masyarakat Brunei lebih bersifat umum, yakni tidak secara spesifik menyentuh tentang budaya melainkan terselit dalam penceritaan dan dialog watak-watak dalam cerita.

Analisis ke atas kumpulan puisi *Diam-Diam* karya K. Manis sangat penting kerana hasil analisis dapat memberi suatu gambaran budaya masyarakat Brunei dari sudut pandangan yang tersendiri berbanding dengan apa yang digambarkan dalam media pelancongan, warisan, sejarah dan geografi. Paparan budaya menerusi karya kreatif dapat memberi suatu perspektif yang berbeza kepada pembaca dan pengkaji kemudian yang memerlukan informasi tentang budaya masyarakat Brunei.

OBJEKTIF KAJIAN

Analisis ke atas kumpulan puisi *Diam-Diam* bertujuan untuk mencapai beberapa objektif berikut:

- a) Mengenal pasti gambaran budaya dalam kumpulan puisi *Diam-Diam*.
- b) Menganalisis gambaran budaya masyarakat Brunei dalam puisi *Diam-Diam* berasaskan konsep budaya oleh Edward B. Tylor dan A. Aziz Deraman.
- c) Menjelaskan hubung kait setiap kegiatan kehidupan masyarakat Brunei yang memberi gambaran budaya dalam kumpulan puisi *Diam-Diam*.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan. Kaedah kajian ini dipilih kerana sumber data kajian adalah dalam bentuk kepustakaan iaitu kumpulan puisi *Diam-Diam* karya K. Manis. Untuk menjawab soalan kajian dan mencapai objektif yang ditetapkan, isi kandungan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Aspek isi kandungan yang dianalisis ialah gambaran budaya masyarakat Brunei. Analisis dan perbincangan dibuat berdasarkan konsep budaya yang diberikan oleh Edward B. Tylor (1974) dan disesuaikan dengan konsep kebudayaan yang diberikan oleh A. Aziz Deraman (2005).

Edward B. Tylor (1974) mendefinisikan budaya sebagai satu keseluruhan sistem yang kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, kesusilaan, undang-undang, adat resam dan kebolehan-kebolehan lain serta kebiasaan yang diperoleh oleh manusia sebagai anggota masyarakat. Sementara itu, A. Aziz Deraman (2005) mentakrifkan budaya sebagai cara hidup yang berupa pelahiran warisan sesuatu masyarakat sama ada material atau bukan material yang dijelmakan daripada fikiran dan perbuatan manusia dalam kehidupan. Kebudayaan itu juga merangkumi keseluruhan aspek kehidupan seperti pengetahuan, kepercayaan, kesenian, undang-undang, tatasusila dan adat istiadat.

Daripada dua definisi budaya oleh Tylor dan A. Aziz Deraman ini, konsep budaya dalam konteks kajian ini menjurus kepada maksud kebiasaan-kebiasaan yang diperoleh dan dilakukan oleh masyarakat merangkumi keseluruhan aspek kehidupan masyarakat itu sehari-hari. Kebiasaan-kebiasaan ini menjadi amalan yang membentuk perilaku dan tindakan masyarakat Brunei dalam segenap bidang kehidupan mereka.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pembacaan dan penelitian terhadap 73 buah sajak yang termuat dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* mengemukakan enam gambaran budaya dan kehidupan masyarakat Melayu Brunei. Berdasarkan latar pengalaman penyair K. Manis sebagai anak jati Brunei, gambaran yang ditunjukkan dalam sajak-sajaknya dapat diyakini adalah budaya yang terhasil daripada kebiasaan-kebiasaan masyarakat Brunei sendiri. Kebiasaan-kebiasaan ini pula merupakan di antara beberapa aspek kehidupan masyarakat yang membentuk wajah budayanya. Enam gambaran budaya dan gambaran kehidupan yang dimaksudkan itu ialah gambaran,

1. Masyarakat yang bergantung hidup pada sumber pertanian
2. Gambaran budaya masyarakat yang berhadapan dengan musibah
3. Adat orang besar-besar
4. Budaya berbudi pada tanah
5. Budaya warga bernegara
6. Gambaran perubahan budaya

Masyarakat yang Bergantung Hidup pada Sumber Pertanian

Gambaran budaya masyarakat Brunei yang bergantung hidup pada sumber pertanian khususnya tanaman padi dapat dilihat jelas dalam sajak “Makan Beras Siam, Kita Terus Makan Beras Thailand Kita Terus Telan, Minda Kebangkalan” (hlm. 1-3), “Buang” (hlm. 29-36), “Tanam-tanam Padi” (hlm. 48), “Tanda-tanda Ladang” (hlm. 70-72), “Majlis Perundingan Kampung Memburu Sebuah Impian” (hlm. 75-77) dan sajak “Bang Bamban” (hlm. 78-79). Terdapat tiga gambaran budaya hidup masyarakat Brunei yang bergantung hidup pada sumber pertanian iaitu budaya pemakanan asasi yang bergantung pada beras yang

diimport dan budaya hidup bergantung pada sungai. Padi dan sungai menjadi sumber semula jadi yang membentuk dan melakar budaya masyarakat Brunei dalam bidang pertanian.

Budaya pemakanan asasi yang bergantung pada beras yang diimport

Dalam sajak “Makan Beras Siam, Kita Terus Makan Beras Thailand Kita Terus Telan, Minda Kebangkalan” (hlm. 1-3) terungkap gambaran budaya pemakanan masyarakat Brunei yang bergantung makanan asasi pada hasil pertanian khususnya beras. Sumber beras ini pula secara tradisi diimport dari Thailand (Siam). Kebergantungan pada beras Siam sebagai makanan asasi penduduk menjadikan kegiatan mengimport beras dari Thailand sebagai satu keperluan terpenting, manakala menggunakan beras Siam sebagai makanan asasi telah menjadi budaya masyarakat Brunei sekian lama. Beras Siam sudah sehati dengan budaya pemakanan di Brunei sejak sekian lama. Perkara ini diungkapkan penyajak dengan jelas dalam baris ke-28 hingga ke-31,

...makan nasi (beras) Siam. Beras Thailand. Rupanya
sudah sehati dalam kehidupan kita. Seolah-olah
inilah beras kita. Beras dari negeri jiran yang hampir
dengan kita ni. (b. 28-31)

Kesehatian beras Siam dalam budaya kehidupan masyarakat Brunei juga disebut penyajak berlaku dalam hidangan makanan dalam majlis perkahwinan, mesyuarat, majlis doa selamat, tahlil arwah dan juga jamuan negara. Tidak pernah masyarakat bertanya tentang sumber beras itu datang kerana penggunaan beras Siam telah menjadi budaya pemakanan asasi yang sudah sehati dalam kehidupan masyarakat di Brunei. Penyajak menyebutkan hal ini sebagaimana berikut,

Jika ada jamuan. Jamuan orang kahwinkah, makan
doa arwahkah, doa selamatkah, siding mesyuaratkah,
jamuan negarakah. Maka dihidangkah nasi putih beras
Siam. Tidak pernah orang bertanya nasi ini datang dari
Siam. Tidak pernah orang bertanya nasi ini datang dari
mana? Dan belum pernah nasi “kabun” dihidang di
majlis seperti ini. (kalau ada sedikit saja, itu pun majlis
yang kecil-kecil). Keadaan ini sudah sehati dengan kita. (b. 59-66)

Sama ada sedar atau tidak, penyajak juga menggambarkan bahawa budaya pemakanan asasi masyarakat Brunei telah diwarisi turun temurun hingga ke hari ini. Budaya ini telah sehati dan membudayakan kehidupan masyarakat Brunei sehingga mereka menganggap bahawa beras Siam itu merupakan beras negara mereka. Arus pemodenan sering menjadikan sesebuah masyarakat lupa pada budaya sendiri. Dalam soal bahasa misalnya, kajian oleh Aini Hj. Karim (2016) mendapati era globalisasi telah menyebabkan masyarakat Brunei tidak lagi menggunakan lagi kebanyakan daripada bentuk-bentuk leksikal bahasa Melayhu Brunei. Demikianlah halnya dengan soal keperluan asasi, pemodenan telah menyebabkan kebanyakan masyarakat Brunei tidak menyedari bahawa beras yang dimakan oleh mereka selama ini sebenarnya merupakan beras yang diimport dari negara Thailand. Kesehatian itu diungkap K. Manis dalam tiga rangkap sajak berikut,

Rupanya daripada datuk nenek kita hingga ke zaman

kita, orang Siam palah yang memberi makan kita.
dan seolah-olah beras Siam itu adalah milik kita. (b. 84-86).

Brunei merupakan sebuah negara yang bergantung kepada ekonomi berasaskan petroleum dan pelaburan. Kegiatan pertanian dijalankan secara kecil-kecilan. Tanaman padi sebenarnya bukan budaya kehidupan masyarakat Brunei. Seperti yang diungkapkan penyair dalam sajak “Makan Beras Siam, Kita Terus Makan Beras Thailand Kita Terus Telan, Minda Kebangkalan” (hlm. 1-3), beras diimport daripada negara jiran khususnya dari negara Thailand.

Oleh sebab itu, penyair membangkitkan perlunya masyarakat Brunei membudayakan diri dengan berusaha menanam padi sendiri. Budaya mengimport beras daripada negara jiran dianggap penyair sudah sebatu dengan budaya hidup sekalipun telah 24 tahun mencapai kemerdekaan. Hal ini dinukilkan penyajak dalam sajak “Tanam-tanam Padi” (hlm. 48-49). Penyair menyebutkan budaya kerja perlu ditukar supaya budaya mengharap beras daripada negara lain dapat diatasi,

24 tahun merdeka
Nasi disuap ke mulut kita
Bukan oleh tangan kita
Rupanya kaki kita belum dapat berdiri di kaki sendiri
Mengisi kemerdekaan itu banyak ertinya
Bukan Cuma menghitung untung ruginya
Tetapi beras dan nasi keperluan negara
Jangan dipandang cuma sebelah mata
Banyak kata sedikit kerja
Mesti tukar:
Sedikit kata banyak kerja (b. 21-32)

Pentingnya perubahan budaya daripada budaya material kepada budaya kerja berasaskan pertanian ini kerana keperluan hasil pertanian khususnya padi merupakan keperluan yang paling utama untuk kepentingan rakyat dan negara supaya rakyat tidak berdepan dengan kesengsaraan. Penyair menyarankan budaya kerja yang lebih ditumpukan kepada projek menanam padi secara besar-besaran. Saranan penyair supaya tanaman padi diusahakan secara ladang di seluruh negara sebelum rakyat ditimpa sengsara. Penyajak menyebutkan,

Ladang-ladang padi
di seluruh negara
jangan cuma kata
buat projek mega untuk bangsa
untuk negara
segera sebelum sengsara (b. 33-38)

Kekhuatiran penyair berlakunya krisis makanan di seluruh dunia akan juga memberi kesan kepada negaranya terutama kenaikan harga barangan makanan. Kekhuatiran ini disuarakan penyair dalam rangkap keenam sajak “Tanda-tanda Ladang”,

Sekarang jauh di sana
Kedengaran hingar bahana

Pasal kekurangan makanan dunia
Akan kelaparan ratusan juta
Akan jadi miskin berlipat ganda
Akan berlaku di Asia dan Afrika
Juga di rantau kita
Maknanya hati pun dibisik gelabah
Harga barangan termasuk makanan
Terus berubah dan bertambah (b. 27- 36)

Sebenarnya, budaya masyarakat mengerjakan tanah pertanian bukannya perkara baharu dan tidak sukar untuk dilaksanakan kerana menurut penyair budaya bercucuk tanam mengerjakan tanaman padi merupakan budaya bangsa yang diwarisi sejak sekian lama, namun kurang dipedulikan oleh waris generasi muda masa kini. Justeru, usaha membudayakan semua kerja menanam padi ini direalisasikan dengan pembukaan ladang Majlis Perundingan Kampung (MPK). Budaya ini ingin dihidupkan semula oleh penyair sekalipun kegiatan bertanam padi ini telah lama ditinggalkan. Kesungguhan penyair terungkap dalam baris-baris sajak berikut,

Aku dan kami di sini
Setelah tujuh keturunan
Seperti Mahsuri di Langkawi
Kembali ke tempat ini
Mengusai bisai petang dan pagi
Berdiri memacak diri
Di bawah sinar matahari
Bersama gemuruh mesin jengkaut dan mesin gergaji
Seperti sebuah mimpi. (b. 15-23)

Semangat yang ditunjukkan penyair dalam baris-baris sajak tersebut merupakan suatu justifikasi keinginan untuk membebaskan diri daripada budaya masyarakat Brunei yang bergantung sumber pemakanan asasi yang diimport dari negara luar kepada budaya menghasilkan padi yang diusahakan sendiri. Pembukaan ladang padi MPK di Tanjong Maya menggembirakan penyair dan berharap budaya bertani ini akan dapat membantu negara menyediakan beras sendiri untuk keperluan rakyat sepertimana yang disuarakan dalam rangkap berikut,

Inilah tapak sebuah ladang
Ladang padi MPK Tanjong Maya
Akan dibuka lagi
Biar luas saujana
Atas tanah terbiar
Dapat diguna pakai
Bagi menyahut hasrat negara. (b. 16-22)

Kegigihan dan semangat penyair untuk melihat budaya bertani ini dapat membantu berhasilnya tanaman padi untuk keperluan sendiri sejajar dengan titah Paduka Sultan Brunei yang juga Ketua Pemerintah negara sebagaimana yang dinukilkan penyair dalam sajak “Tanda-tanda ladang” (hlm. 70-72). Baginda Sultan menitahkan,

“Segenggam beras, seketul ubi

Lebih berharga dari emas berbungkal
Dan wang berjuta” (b.5-7)

Semangat dan kesedaran kepada membudayakan diri dengan bercucuk tanam padi ini ditunjukkan oleh pemimpin tertinggi negara sendiri. Besar dan tingginya nilai tanaman padi kepada masyarakat Brunei diumpamakan lebih mahal dan lebih bernilai daripada emas berbungkal. Demikianlah, saranan penyair agar budaya bergantung pada beras import ini ditukar kepada budaya menanam padi sendiri, meskipun penyair sedar bahawa budaya bergantung pada padi yang diimport ini merupakan amalan kehidupan yang diwarisi turun temurun dalam masyarakat Brunei itu sendiri.

Budaya hidup menggunakan sungai

Dalam sajak “Buang” (hlm. 29-36), penyajak melukiskan gambaran budaya masyarakat kampung di Brunei suatu ketika dahulu yang bergantung pada sungai dalam semua urusan hidup. Masyarakat yang digambarkan penyajak dalam sajak ini sebagai masyarakat kampung yang susah yang bergantung mata pencariannya hanya kepada sungai, menggunakan sungai sebagai jalan perhubungan. Malah, sungai jugalah menjadi tempat berakhirnya kehidupan. Penyajak menyebutkan perkara ini dalam rangkap kedua sajak,

Hidup dalam masyarakatku
Orang kampung seperti aku
Hidup seribu liku
Hidup dan matinya
Datuk dan nenekku memang begitu
Sungai tempat hidup
Sungai tempat lalu
Sungai juga tempat mati (b. 18-25)

Di sungai ini suatu ketika dahulu terdapat banyak sumber rezeki seperti ikan, udang dan juga hidupan lain yang menjadi tarikan. Selain itu, sungai juga mempunyai daya tarikan alam semula jadi yang indah. Penyajak menggambarkan tepian sungai dipenuhi dengan pokok nipah, rumbia dan buluh sepertimana berikut,

Dahulu sepanjang tebing sungai rupanya indah
hujung daun nipah
hujung daun rumbia
hujung daun buluh
mencecah di muka bumi
bermain dan berbuai
bermain goyang dengan arus sungai yang mengalir
riak dan senyumnya amat menawan
terlalu ghairah dan lumrah

Di sungai penduduk aktiviti seperti menahan bubu, memancing, menebar rambat untuk mencari rezeki kehidupan. Aktiviti ini menjadi suatu kebiasaan dalam amalan kehidupan masyarakat Brunei khususnya yang tinggal di tepi-tepi sungai. Penyair menukilkan kebiasaan itu dengan katanya,

Buang rambut
Buang pancing
Buang bubu
Dapat ikan dan udang (b.1-4)
...
...
Bubu
Pancing
Rambut
Aging
Andang
Digunakan pagi dan petang (b.12-17)

Gambaran Masyarakat Ketika Berhadapan Musibah

Budaya masyarakat Brunei tidak hanya tergambar dalam suasana senang dan gembira tetapi juga dapat dilihat dalam suasana duka terutama sewaktu berhadapan dengan musibah banjir. Perkara ini dapat dilihat dalam sajak-sajak “Banjir Terjadi Alhamdulillah” (hlm. 26-28), “Banjir Melanda” (hlm. 88-89), “Banjir dan Boom” (hlm. 95), “Air Sungai Mekong Mengalir di Sini” (hlm. 97-98), “Banjir: Buaya, Makan Beras Siam” (hlm. 133) dan “Banjir Menggugat” (hlm. 139).

Peristiwa kejadian banjir di Brunei dalam tahun 2008, 2009 dan 2010 dapat dilihat dalam beberapa tulisan dalam majalah dan blog seperti *amyandrewcoates09.blogspot.com* dan buletin PELITA yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan Brunei. Berdasarkan tahun terbitan kumpulan puisi pada tahun 2010, dapat dikatakan bahawa kejadian banjir dalam tempoh tahun 2008, 2009 dan 2010 digunakan penyair K. Manis sebagai idea kreatif dalam kumpulan puisi *Diam-Diam*. Kejadian-kejadian banjir ini telah mengilhamkan pada diri penyair untuk mengungkapkan dalam bentuk kreatif. Hal ini juga menggambarkan bahawa kisah masyarakat berhadapan dengan banjir bukan setakat kisah tetapi menjadi semacam satu kebiasaan bagi masyarakat Brunei.

Apa yang menarik daripada kejadian banjir ini ialah beberapa gambaran budaya masyarakat Brunei yang berdepan dengan musibah banjir dalam dilihat dan dikaitkan dengan kebiasaan-kebiasaan hidup yang dilalui mereka. Dalam sajak “Banjir Terjadi Alhamdulillah” (hlm. 26-28), penyair menunjukkan gambaran masyarakat Brunei yang berpegang teguh pada ketentuan Tuhan tatkala ditimpa musibah banjir. Gambaran ini memahamkan pembaca akan budaya keislaman yang mendarah daging dalam diri masyarakat. Gambaran ini lebih jelas terkesan tatkala mereka berdepan dengan musibah banjir. Penyair menyebutkan,

Banjir seperti ini ada hikmah
yang kuat jadi lemah
yang indah jadi musuh
yang senang tahu erti susah
yang ada tahu erti tidak ada
makanya ialah ujian Allah. (b. 68-73)

Sekali berdepan dengan ujian genting kehilangan dan kemusnahan harta benda akibat banjir, masyarakat Brunei faham tentang ketentuan Allah terhadap apa yang berlaku itu. Sifat yang tergambar ini menunjukkan masyarakat Brunei merupakan masyarakat yang mengamalkan

budaya tinggi dengan nilai agama, faham agama dan menghayati ajaran agama. Selanjutnya penyair menyuarakan kesedaran diri masyarakat dengan erti keimanan di sebalik musibah banjir. Penyair menukilkan,

Allah menguji keimanan dan ketakwaan
 Allah menguji erti kesabaran
 Allah menguji erti keikhlasan
 Allah menguji erti penderitaan
 Allah menguji erti kesenangan
 Allah menguji segala musibah datang dari Allah (b. 68-73)

Dalam sajak “Banjir: Buaya, Makan Beras Siam” (hlm. 133-138) perkara yang sama ditegaskan penyair,

Rupanya
 Banjir tahun ini
 Tahun 2009
 Banjir yang ketiga besar
 Banjir yang kedua tahun 1976
 Dan banjir yang paling besar tahun 1962
 Macam itulah malapetaka menimpa manusia
 Allah menguji iman manusia
 Allah menguji kesabaran manusia
 Allah menguji ketulusan manusia
 Allah menguji keikhlasan manusia
 Allah menguji kejujuran manusia

Semua kita diuji
 Semua kita dilihat oleh Allah
 Orang kena banjir
 Orang yang tidak kena banjir
 Orang penyelamat banjir.

Manusia yang beramal dengan amalan Islam merupakan manusia yang berbudaya tinggi kerana meletakkan agama di atas segala sesuatu. Inilah yang ditunjukkan penyair dalam baris-baris sajak di atas. Gambaran ini juga dapat dilihat dalam sajak “Banjir Melanda” (hlm. 88-89). Dalam rangkap kedua-dua sajak, penyair menunjukkan gambaran hati masyarakat Brunei yang menerima musibah banjir sebagai peringatan Tuhan,

Sudah seminggu banjir melanda
 Di mana-mana
 Sawah padi MPK ini
 Yang baharu siap ditanam
 Terbenam air melimpah
 Seperti tasik buatan
 Demikian malapetaka sebagai ujian.

Kalau itu sebagai peringatan
 Dalam suka

Dalam duka
Dalam sihat
Dalam derita
Jika Allah menentukan
Maka terimalah hakikat itu. (b. 1-15)

Gambaran masyarakat yang menyerahkan segala sesuatu musibah pada ketentuan Allah juga disebut dalam sajak “Banjir dan Boom” (hlm. 95-96). Dalam sajak ini penyair sekali lagi mengulangi ketegasan diri masyarakat Brunei yang berpegang pada qada’ dan takdir Tuhan dengan iman dan takwa dengan katanya,

Demikian jika sudah ketentuan dibuat begitu
Dalam ujian hala tuju
Iman dan restu
Tuhan yang menentukan (b. 38-41)

Musibah banjir tidak hanya mendedahkan gambaran sifat mulia masyarakat Brunei tatkala berdepan dengan ujian Allah ini tetapi penyair juga mendedahkan bahawa musibah banjir yang dialami di negara Brunei berpunca juga daripada masalah kemudahan yang disediakan tidak berfungsi. Perkara ini digambarkan penyair dalam sajak “Banjir Menggugat” (hlm. 139). Dalam sajak ini penyair secara langsung menggambarkan musibah banjir disebabkan oleh masalah kemudahan infrastruktur yang tidak lengkap dan ada yang tidak disediakan:

Ada banjir kilat
Ada banjir bukan kilat
Banjir kilat datang cepat macam kilat
Terjadi kerana parit dan longkang terkabot
Kadang-kadang tiada pembedung
Kadang-kadang tidak cukup pembedung
Kadang-kadang tidak besar pembedung
Air banyak tersumbat (b. 8-15)

Gambaran yang ditunjukkan penyair tentang musibah banjir yang “membudaya” kebiasaan masyarakat Brunei sebenarnya menampakkan juga gambaran-gambaran budaya lain seperti berpegang teguh pada ajaran agama, keyakinan terhadap ketentuan Tuhan dan budaya manusia yang penyabar.

Budaya Berbudi pada Tanah

Masyarakat Brunei juga digambarkan sebagai masyarakat yang suka berbakti pada tanah dengan mengusahakan tanah-tanah dengan kegiatan pertanian. Gambaran ini dapat dilihat dalam sajak-sajak “Tanda-tanda Ladang” (hlm. 70-72), “Majlis Perundingan Kampung Memburu Sebuah Impian” (hlm. 75-77), “Bang Bamban” (hlm. 78-79) dan “Bumi yang Hijau” (hlm. 81). Budaya masyarakat Brunei suka berbudi pada tanah ini ada kaitan dengan keperluan negara Brunei untuk menyediakan sumber makanan untuk rakyatnya. Meskipun tanah untuk kegiatan pertanian tidak luas, namun semangat untuk berbakti pada tanah digambarkan oleh penyair sangat tinggi dalam kalangan masyarakat terutama usaha menanam padi. Lihat gambaran itu dalam rangkap berikut,

Ladang padi ini luasnya cuma sedikit
 Maka warga mukim ini pun berampit-ampit
 Jauhnya hasil membukit
 Cuma sekadar dapat diisi ke dalam poket. (b. 18-21)

Dalam rangkap yang lain, penyair menggambarkan kegigihan para warga kampung mengusahakan tanah untuk tanaman padi pada masa kini dengan sebuah harapan kejayaan yang belum pasti. Dengan keluasan tanah yang tidak seberapa, penyair membangkit pertanyaan tentang kejayaan yang masih samar-samar untuk dicapai.

Hari ini
 kita masih boleh ketawa dan sendawa
 melihat pada warga di kampung ini
 berkarir dan ngalih
 terpacak di tengah ladang padi yang belum menjadi
 sambil bercerita sebuah wawasan
 dalam sebuah perjalanan panjang
 teka-teki dan impian juga harapan (b. 35-42)

Gambaran budaya suka berbudi pada tanah untuk tanaman padi juga dinukilkan dalam sajak “Majlis Perundingan Kampung Memburu Sebuah Impian” (hlm. 75-77). Penegasan gambaran yang ditunjukkan penyair kelihatan lebih patriotik dan lebih dedikatif. Perhatikan ungkapan penyair yang penuh bersemangat dan patriotik itu dalam rangkap berikut,

Ladang MPK ini
 Milik kita ini
 Warga mukim ini
 Cuba berdiri sendiri
 Yang terpacak bergelumang
 Di selut lumpur
 Di bawah bahang matahari
 Cuba hidup berdikari
 Tanpa mengharap tongkat diberi
 Untuk berdiri. (b. 36-45)

Tidak cukup dengan keutuhan semangat yang bernilai patriotik itu, penyair K. Manis tidak mahu tanah-tanah yang sememangnya sedikit, terbiar kosong tanpa dimanfaatkan untuk ditanam dengan padi,

Ladang padi MPK Tanjong Maya
 Akan dibuka lagi
 Biar luas saujana
 Atas tanah terbiar
 Dapat diguna pakai
 Bagi menyahut hasrat negara. (b. 10-15)

Gambaran masyarakat suka berbakti kepada tanah dipadankan dengan kekurangan tanah untuk pertanian, kekurangan hasil padi untuk masyarakat dan musibah banjir yang kerap

berlaku. Semua ini memberi isyarat bahawa amalan-amalan kebiasaan masyarakat Brunei itu banyak dipengaruhi dinamika faktor alam sekitar yang berlaku.

Adat Orang Besar-Besar

Gambaran adat orang besar-besar dalam masyarakat Brunei dapat dilihat dalam sajak “Orang Besar-Besar” (hlm. 122-123). Penyair memaparkan ciri-ciri dan perwatakan orang besar-besar dalam pertuturan, adat makan dan minum serta tugas menjalankan amanah. Walau bagaimanapun, penyajak tidak memperincikan secara jelas nama dan juga kedudukan taraf orang-orang besar ini. Pertuturan orang besar-besar dalam masyarakat Brunei menurut penyair sangat berhemah, suara halus berseni dan lunak sehingga menawan hati. Secara kiasan penyair menyebutkan suara dan bisikan bagaikan desiran bayu malam. Lihat suara halus dan berseni itu dalam rangkap sajak berikut,

Cakap orang besar-besar penuh berhemah
Suara orang besar-besar halus berseni
Lunak ke jantung hati
Berdesir seperti bayu malam
Membisik sentuhan dingin daripada pergunungan
Menggetar mengusik minda dan kalbu. (b.1-6)

Dalam rangkap berikutnya, penyajak juga menyebutkan bahawa cakap orang besar-besar adalah cakap-cakap yang mewakili negara dan yang menampakkan imej negara yang berisi dengan makna yang padat dan berisi tanggungjawab,

Cakap orang besar-besar
Adalah cakap negara
Senyum orang besar-besar
Semuanya ada makna
Wajah orang besar-besar
Adalah gambaran sebuah negara
Tanggungjawabnya ada di situ. (b. 31-37)

Adat makan minum orang besar-besar

Gambaran adat makan orang besar-besar dalam masyarakat Brunei bagi penyair bersifat ala kadar, yakni tidak begitu melimpah, tidak membazir dan bersederhana. Penyajak menggambarkan hal ini dalam rangkap kedua sajak:

Makan orang besar-besar
Cuma ala kadar
Sejemput dua
Sekubit dua
Sesudu dua
Seteguk dua
Tidak sedawa. (b. 1-7)

Selanjutnya, penyair menggambarkan adat makan minum orang-besar-besar dalam sesuatu majlis. Gambaran makan minum dalam majlis bagi orang besar-besar diselang-selikan dengan irama muzik, hiasan bunga-bunga, aturan makan minum. Majlis makan orang besar-besar dihadiri pembesar-pembesar seluruh negara dan kehadiran mereka atas kapasiti menjalankan tanggungjawab memenuhi undangan atas nama jawatan pembesar negara.

Makan dalam majlis yang bernama
Penuh dengan suasana yang berirama
Penuh dengan bunga-bunga
Penuh dengan adat tertibnya
Dalam satu negara
Demikian aturan tatasusilanya.

Makan minum
Orang besar-besar
Banyak di majlis yang beraneka
Dijemput dihadiri seluruh negara
Itu tanggungjawab bersama
Bukannya Cuma-Cuma. (b. 19-30).

Budaya tanggungjawab menjaga amanah

Budaya orang besar-besar merupakan budaya kepemimpinan, iaitu mengamalkan tugas dan tanggungjawab memikul amanah rakyat dan negara supaya tidak tersasar daripada matlamat yang ditetapkan. Melaksanakan tanggungjawab merupakan satu budaya kerja beramanah yang perlu ada pada orang besar-besar di negara Brunei. Penyair menyebutkan tentang tanggungjawab ini dalam rangkap ketujuh,

Bersama amanah yang dipangku
Cuma jangan tersasar hala tuju
Membawa uras Kampar
Yang berpaut dan mendampar
Mencari tempat berlimbu dan bersantai (b. 38-42)

Gambaran Budaya Masyarakat Bernegara

Masyarakat Brunei juga digambarkan sebagai masyarakat yang prihatin terhadap soal bernegara. Meskipun mempunyai jumlah penduduk yang sedikit, namun masyarakatnya digambarkan sebagai kuat semangat kecintaan terhadap negara. Sebuah negara yang bertamadun adalah negara yang tumbuh dan berkembang dan dipelihara pembanguna kota, taman dan adat istiadatnya (Siti Zainon Ismail, 2004: 79). Demikianlah halnya dengan negara Brunei dalam pemikiran penyair. Hal ini dapat dilihat dalam sajak-sajak “Sebuah Simfoni” (hlm. 5-6), “Harapan” (hlm. 8), “Suara Merdeka” (hlm. 43-44), “Bendera” (hlm. 80), “Bukan Mimpi dalam Sebuah Perjalanan” (hlm. 85-87) dan “Kata Sepakat” (hlm. 144).

Dalam sajak “Sebuah Simfoni”, penyair menggambarkan ciri seorang warga negara Brunei yang merdeka iaitu yang memiliki hala tuju masa depan, bersatu (bersama) dalam semua

perkara, berusaha gigih untuk membawa negara kepada puncak jaya. Dalam rangkap pertama sajak tergambar kesatuan dalam tindakan untuk mencapai hala tuju negara,

Langkah bicara garis menanti
 Bukan berhenti
 Di depannya hala tuju
 Yang merindui dipacu
 Mendaki tangkas
 Setinggi angkasa (b. 1-6)

Dalam menuju hari depan, penyajak menyampaikan pesan kepada masyarakatnya supaya tidak tewas dalam perjuangan (rebah di tengah jalan). Cita-cita untuk membawa negara bangsa maju ke hadapan perlu dipertahankan. Perkara ini dinukilkan penyair dalam sajak “Harapan” (hlm. 8). Langkah menuju cita-cita negara ini bagi penyair merupakan nuansa perwira bangsa yang sifatnya terus berjuang tanpa henti.

Hari ini kutitip salam
 Kubekal harapan

Dalam degup jantung perjuangan
 Jangan rebah di tengah jalan
 Genggamlah
 Genggamlah.

Sebagai wira bangsa
 Melangkah terus melangkah. (b. 1-8)

Gambaran masyarakat yang cinta kepada negara tergambar juga pada dalam sajak “Suara Merdeka”. Penyair membawa perhatian anak bangsa Brunei kepada sejarah tanah air mereka dijajah sehingga bangsa mereka hilang maruah, hilang harga diri dan dipandang hina oleh penjajah. Setelah memperoleh kemerdekaan, penyair mahu supaya anak bangsa Brunei Darussalam supaya mereka menyedari bahawa pada hari ini mereka telah bebas daripada penjajah dan menyeru kepada anak bangsa supaya tahun nilai-nilai bernegara sebagai sebuah negara merdeka. Penyair menyeru,

Wahai bangsaku
 Dulu kita dijajah ratusan tahun
 Sekarang kita telah merdeka
 Brunei Darussalam telah merdeka
 Kitalah anak-anak merdeka
 Kitalah bangsa merdeka
 Bersama dengan bangsa lain di dunia
 Bersama menghirup udara kebebasan
 Kebebasan bersuara
 Kebebasan berkata
 Kebebasan merancang
 Kebebasan membangunkan bangsa (b. 33-44)

Setelah mereka faham erti menjadi anak bangsa merdeka, penyair menunjukkan pula dalam sajak “Bendera” (hlm. 80) suasana masyarakat Brunei merdeka bernegara. Bendera Brunei menjadi panji-panji kemegahan, anak-anak bangsa memperoleh pendidikan dengan selesa dan pembesar-pembesar negara dengan tanggungjawab membangunkan negara. Lihat gambaran itu yang dilukiskan penyair dalam rangkap pertama sajak suasana gembira masyarakat menyambut hari kemerdekaan negara,

Bendera-bendera berkibar
 Di puncak tiang menujah awan
 Suara-suara bergema
 Anak sekolah berdiri siaga
 Pembesar-pembesar negara
 YB-YB
 Pegawai-pegawai daerah
 Penghulu-penghulu
 Ketua-ketua kampung
 Tokoh-tokoh masyarakat
 Juga masyarakat ramai
 Berkumpul di sini
 Langit dan awan tanah airku menyaksikan
 Maka bendera negara pun dikibar
 Senyum melebar. (b. 1-15)

Terpenting bagi warga negara Brunei yang merdeka ialah kata sepakat. Demikian ungkap penyair bahawa kata sepat merupakan tunjang titik noktah untuk mengekalkan kemerdekaan negara. Dengan cara itu, impian untuk maju dan kekal merdeka pasti berjaya. Inilah ciri budaya warga merdeka yang bernegara sebagai yang diungkap penyair dalam sajak “Kata Sepakat” (hlm. 144),

Hari ini
 Ya hari ini
 Kata sepakat bulat terikat
 Disimpul padat
 Maka sebuah titik noktah
 Dijunam di dada bangsa
 Dan berakhirnya sebuah mimpi yang hebat. (b. 9-15)

Gambaran Perubahan Budaya

Gambaran berlakunya perubahan budaya dalam masyarakat Brunei juga dapat dikesan dalam kumpulan puisi *Diam-Diam*. Hal ini boleh ditelusuri dalam sajak “Bunyi Muzik yang Mengusik” (hlm. 18-19) dan “Buang” (hlm. 29-36). Dalam sajak “Bunyi Muzik yang Mengusik”, penyair menggambarkan perubahan budaya dalam majlis perkahwinan yang dihidungnya. Menurut penyair, lazim majlis perkahwinan menjadi medan untuk bertemu kawan-kawan lama dan baharu bertanya khabar. Dalam majlis itu semua lapisan masyarakat hadir. Namun, penyajak tertanya-tanya dengan perubahan yang ada dalam majlis tersebut dengan kehadiran muzik yang kuat dan menimbulkan rasa tidak senang di dalam hati.

Dalam majlis seperti ini
Perluah diasak dan disuap
Gema yang memekak ke lubang telinga
Menyesak sepenuh dada. (b. 43-46)

Bagi penyair, majlis seumpama ini menjadi tempat pengunjung bertukar-tukar fikiran tentang kehidupan dunia dan akhirat dan sepatutnya sebagai tempat memperoleh rahmat.

Di tempat ini kita suka
Di tempat ini bias berjumpa
Di tempat ini sering bertanya:
Tentang dunia dan akhirat
Mengisi relung rahmat dan hidayat. (b. 47-51)

Perubahan budaya juga berlaku dalam kalangan generasi baharu masyarakat Brunei. Perkara ini dapat dikesan dalam sajak “Buang” (hlm. 29-36). Penyair menggambarkan kepentingan sungai pada zaman dahulu dengan zaman sekarang sudah berubah. Budaya masyarakat moden tidak lagi menggunakan sungai untuk tujuan pengangkutan dan tidak juga untuk digunakan untuk mencari rezeki untuk keperluan hidup.

Zaman sekarang sungai tidak berguna lagi
Rambat juga tidak digunakan
Bubu juga tidak digunakan
Pancing juga tidak digunakan
Sagang juga tidak digunakan
Ambur dan rawai juga tidak digunakan. (b. 34-39)

Perubahan budaya hidup masyarakat menjadi kaedah menangkap ikan berubah, kebergantungan kepada sungai juga berubah dan sikap masyarakat terhadap alam sekitar juga berubah. Perubahan ini menjadikan sumber khazanah alam sudah tidak dipedulikan lagi kerana budaya baharu yang berasaskan kemajuan material menyebabkan manusia mengorbankan alam sekitar. Kerana itu, penyair menukilkan pertanyaan:

tanyalah di mana ikan dan udang sebagai khazanah
tempat berkembang dan membiak sudah musnah
apa akan dirembat
apa akan diandang
apa akan dibubu
apa akan dipancing
apa akan disagang
apa akan dirawai
segalanya sudah tiada (b. 83-91)

Penyair menjangkakan perubahan budaya dan landskap kehidupan serta alam sekitar boleh menyebabkan generasi muda tidak dapat mengenali khazanah alam Brunei yang berharga.

Anak-anakku
Cucu-cucuku
Hari ini
Dan hari kandila

Mungkin tidak kenal lagi
 Pokok nipah dan rumbia
 Pokok pidada
 Pokok dungun
 Pokok palai
 Pokok surapit
 Dan ratusan pokok yang berjuntai
 Bermain bersama air sungai
 Bersenda gurau dengan senja
 Segalanya sudah tiada di tanah air sendiri. (b. 115-128)

Seperti yang disebutkan oleh Sahlan Mohd Saman (2013) bahawa pengarang Brunei tidak dapat lari daripada berbicara tentang alam (flora dan fauna) dan juga tentang budaya masyarakat di sekeliling. Alam melingkari kehidupan tujuh etnik di Brunei. Menurut Sahlan lagi, para novelis Brunei sangat cenderung mengambil budaya mereka di samping flora dan fauna yang mewarnai kehidupan mereka sebagai sumber karya kreatif.

Perkara ini juga dapat dikesan hadir dengan utuh dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* karya K. Manis. Sungai, padi, ladang, nipah, buluh, rumbia menjadi ikon alam yang melarik warna budaya hidup masyarakat Brunei di samping fenomena alam seperti musibah banjir yang menjadikan gambaran yang dinukilkan K. Manis kelihatan hidup dan mengesankan pemikiran pembaca. Amalan bermasyarakat, bertani, bernegara dan bergaul dalam masyarakat adalah sebahagian daripada kebiasaan-kebiasaan dalam amalan kehidupan sehari-hari masyarakat Brunei.

RUMUSAN

Analisis yang dilakukan dapat membuktikan terdapatnya enam gambaran budaya masyarakat Brunei berasaskan konsep budaya yang diberikan oleh Tylor dan A. Aziz Deraman. Gambaran budaya yang ditemui dalam kumpulan puisi ini berkait langsung dengan amalan dan pengalaman sehari-hari masyarakat Brunei terutama pengalaman berdepan dengan musibah banjir besar dalam tahun 2008, 2009 dan 2010. Demikian juga dengan pengalaman hidup menggunakan beras yang diimport dari Thailand, dan kegiatan pertanian menerusi peranan agensi setempat seperti MPK di Tanjong Maya yang berperanan membantu menggiatkan usaha penanaman pagi di negara Brunei secara besar-besaran. Gambaran-gambaran yang dianalisis dalam kumpulan puisi ini lebih tertumpu pada amalan kehidupan yang diwarisi turun temurun khususnya berkait dengan kegiatan pertanian, amalan beragama, adat pembesar dan juga pengalaman berdepan musibah banjir.

Analisis yang dilakukan ke atas sajak-sajak dalam kumpulan puisi *Diam-Diam* menemukan enam gambaran budaya dan kehidupan masyarakat Brunei. Di antara enam gambaran itu, gambaran budaya masyarakat yang bergantung hidup pada sumber pertanian serta gambaran budaya masyarakat yang berhadapan dengan musibah lebih banyak diungkapkan berbanding dengan gambaran budaya yang lain. Di samping itu, penggunaan bahasa yang bersifat emotif yang menampakkan sikap perihatin penyair terhadap sesuatu musibah yang berlaku.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2005. *Asas Pemikiran Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Ali. 2010. *Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Aini Hj Karim. 2016. Leksikal Bahasa Melayu Brunei: Perubahan dan Cabaran. *Jurnal IJMLA*,1 (Jan.), 76-94.
- Amirul Amin Pg. Hj Jamaluddin. 2010. *Nilai Budaya Dalam Kesusasteraan Brunei*, 7 Februari. (Atas talian). Muat turun 25 Mei 2016, dari <http://merulez218.blogspot.com>
- Bilcher Bala, Baszley Bee Basrah Bee & Jakaria Dasan. 2008. *Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah, Utusan Borneo*, 3 April: 13.
- Cikgu Amy. 2009. *Bencana Alam di Brunei*, 26 Julai. (Atas talian). Muat turun 25 Mei 2016, dari <http://amyandrewcoates09.blogspot.my>
- Jeniri Amer. 2015. Asal Usul Melayu Sarawak: Menjejak Titik Tak Pasti. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jld. 8 (1), 2-17.
- K. Manis. 2010. *Diam-Diam*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsiah Abdullah. 2014. Kuasa Bahasa dan Sastera Melayu dalam Tatatingkap Bahasa-Bahasa di Dunia. *Jurnal RUMPUN*, 2 (Jan.), 215-235.
- Khairulameera. 2011. *Melayu Islam Beraja (MIB) Menjadi Penentu Calak Brunei*. 16 Oktober. (Atas talian). Muat turun 25 Mei 2016, dari <http://khairulameera.wordpress.com>
- Najmuddin Mohd Nawawi. 2008. *Budaya Melayu Brunei Pengukuh Keislaman*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Sdn Bhd.
- Norhayati Ab. Rahman. 2000. Imej Bangsa dalam Puisi Moden Brunei. Dlm *Pengajian Kesusasteraan Melayu di Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Pehim Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato' Seri Setia Awang Haji Hazair Haji Abdullah. 2013. *Melayu Islam Beraja Menjadi Penentu Calak Brunei*. *Teks Ucapan* pada Festival Kebudayaan Perkahwinan Etnik di Brunei Darussalam pada 21 Oktober bertempat di Atrium Airport Mall.
- Sahlan Mohd Saman. 2013. *Novel Mutakhir Brunei: Kesetiaan kepada Budaya dan Flora Fauna*. Kertas Kerja, Dialog Borneo-Kalimantan Ke-XI.
- Siti Zainon Ismail. 1992 *Menyusur Akar Jagat Budaya: Tinjauan Perkembangan Puisi Malaysia Moden*, Kertas Seminar, SOAS London, 14-19 September.
- Siti Zainon Ismail. 2004. Warisan Seni Budaya Melayu-Aceh: Kaitan Pemerian Teks dan Realiti Budaya. *Jurnal Melayu*,1, 79.

Biodata Penulis:

A.Halim Ali

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah teori dan kritikan sastera, puisi Melayu dan Pendidikan Kesusasteraan Melayu.

Norazimah Zakaria

Penulis merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah kajian manuskrip dan kesusasteraan Melayu tradisional

Ariff Mohamad

Penulis merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah pengajaran sastera dalam Bahasa Melayu dan pedagogi Bahasa Melayu.